

**KECENDERUNGAN PEMBELAJARAN TEKNIKAL MELALUI  
PEMBELAJARAN KOPERATIF DI KALANGAN PELAJAR IJAZAH  
SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL DI UTHM**

**MOHAMAD NAAIM BIN MD ZAIN**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**APRIL, 2008**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### DEDIKASI

Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk:

*Ayahanda Dan Bonda Tersayang*  
Segala Jasa dan Bakti  
Tidak Mungkin Terbalas  
Walau Dengan Segunung Intan  
Hanya Allah yang Akan Membalasnya

*Kekanda yang Dikasih*  
Kak Chaq, Kak Masri, Abg Krie, Abg Kron, Abg Shomi, Kak Bibah, Kak  
Ya dan Kak Syita

*Penyelia*  
Terima Kasih Di Atas Segala Kesabaran, Semangat dan Dorongan yang  
Diberikan Sepanjang Menyiapkan Tesis Ini

*Rakan-Rakan Seperjuangan*  
Terima Kasih Di Atas Segalanya dan Hargailah Detik-Detik Kita Bersama

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasillah laporan kajian ini.

Di kesempatan ini, ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan ikhlas buat Prof Dr Sulaiman Bin Hj Hasan selaku penyelia projek sarjana ini atas segala tunjuk ajar, sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan projek sarjana ini. Sesungguhnya segala ilmu, teguran dan nasihat yang diberikan amat berguna dan sangat dihargai.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan dan bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh Yang Maha Esa. Terima Kasih.

## ABSTRAK

Pada masa kini terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang dipraktikkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran sama ada gaya pembelajaran tersebut berpusatkan kepada pensyarah atau pelajar itu sendiri. Kurangnya kefahaman pelajar dengan gaya pembelajaran yang diterapkan akan memberi faedah yang tidak sepenuhnya dalam proses pembelajaran mereka. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat kecenderungan pembelajaran teknikal melalui pembelajaran koperatif di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dan data diperolehi melalui borang soal selidik. Seramai 180 orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal diambil sebagai sampel kajian. Pensampelan yang digunakan adalah pensampelan tidak rawak. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 11.5 yang melibatkan min dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman dan kecenderungan pelajar berkaitan pembelajaran koperatif adalah berada pada tahap tinggi. Kecenderungan terhadap elemen-elemen yang terdapat dalam pembelajaran koperatif juga berada pada tahap tinggi. Daripada elemen-elemen yang dikaji, pelajar lebih cenderung terhadap elemen interaksi secara bersemuka. Kesimpulannya, pelajar cenderung untuk mempraktikkan kaedah pembelajaran koperatif dalam proses pembelajaran mereka.

## ABSTRACT

Currently, there are various types of learning styles that can be adopted to enhance the quality of learning either the learning style is centered on the lecturer or student. It give partial benefit in learning process if there is lack of knowledge among student for adapt the learning style. The purpose of this study is to determine the interest in technical studies through cooperative learning among students of Bachelor in Mechanical Engineering in UTHM. The research design taken in this study is observations and the data acquired through from questionnaire. The sample size is about 180 final year student in Bachelor of Mechanical Engineering from UTHM. The sampling method used in this research is non random sampling. By using the SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) software version 11.5, data were analyzed based on percentage and mean score. Result shows that the comprehension and interest in cooperative learning among student are high and interest towards cooperative learning's elements are also high. From the elements that the researcher has have studied, most students prefer the element face to face interaction than others. As a conclusion, cooperative learning method is preferable compared to other approaches of learning.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>HALAMAN KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Tujuan Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	4
	1.6 Persoalan Kajian	5

1.7	Skop Kajian	5
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.9	Batasan Kajian	6
1.10	Kerangka Konsep Kajian	7
1.11	Definisi Istilah	7
	1.11.1 Pembelajaran Koperatif	8
1.12	Rumusan	8

## II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Gaya Pembelajaran	9
2.3	Pembelajaran Koperatif	11
2.4	Elemen-Elemen Asas Dalam Pembelajaran Koperatif	14
2.4.1	Pergantungan yang Positif	15
2.4.2	Kebertanggungjawaban Individu	16
2.4.3	Interaksi Secara Bersemuka	16
2.4.4	Keperluan Kemahiran Perhubungan Individu dan Kemahiran Muafakat Kumpulan Kccil	17
2.4.5	Pemprosesan Kumpulan	18
2.5	Perlaksanaan Pembelajaran Koperatif	18
2.6	Kategori Kumpulan Pembelajaran Koperatif	19
2.6.1	Kumpulan Formal	20
2.6.2	Kumpulan Tidak Formal	21
2.6.3	Kumpulan Asas	21
2.7	Kesan Pembelajaran Koperatif ke Atas Pencapaian Akademik	24
2.8	Rumusan	26

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Kerangka Operasi Kajian	29
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	30
3.5	Instrumen Kajian	30
3.6	Kajian Rintis	31
3.7	Pengumpulan Data	32
3.8	Kaedah Analisis Data	32
3.9	Andaian Kajian	33
3.10	Rumusan	33
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	34
4.2	Keputusan Kajian Rintis	34
4.3	Analisis Dapatan Kajian	36
4.3.1	Analisis Demografi	38
4.3.2	Analisis Bahagian A	43
4.3.3	Analisis Bahagian B	45
4.3.4	Analisis Bahagian C	47
4.4	Rumusan	49
<b>V</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	50
5.2	Perbincangan	51
5.2.1	Kefahaman Tentang Pembelajaran Koperatif	51
5.2.2	Kecenderungan Terhadap Pembelajaran Koperatif	52
5.2.3	Kecenderungan Terhadap Elemen-Elemen Dalam Pembelajaran Koperatif	53
5.3	Kesimpulan	56



5.4	Cadangan	57
5.4.1	Cadangan Kepada Pelajar dan Pensyarah	57
5.4.2	Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang	58

<b>RUJUKAN</b>	59
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	64
-----------------	----



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.2	Penilaian Kebolehppercayaan, ( $\alpha$ )	32
4.1	Keputusan Ujian Rintis	36
4.2	Penentuan Saiz Sampel Kajian	37
4.3	Penentuan Tahap	37
4.4	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	38
4.5	Persetujuan Responden Terhadap Persoalan Kajian Mengikut Jantina	38
4.6	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	39
4.7	Persetujuan Responden Terhadap Persoalan Kajian Mengikut Umur	40
4.8	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	41
4.9	Persetujuan Responden Terhadap Persoalan Kajian Mengikut Bangsa	42
4.10	Analisis Min Item dan Skor Min Responden Terhadap Item Kefahaman Tentang Pembelajaran Koperatif	44
4.11	Analisis Min Item dan Skor Min Responden Terhadap Item Kecenderungan Terhadap Pembelajaran Koperatif	45
4.12	Analisis Min Item dan Skor Min Responden Terhadap Item Kecenderungan Terhadap Elemen-Elemen Dalam Pembelajaran Koperatif	47



PTAK UTHM  
PERPUSSTAKAAN TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	7
3.1	Kerangka Operasi Kajian	29



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### SENARAI SINGKATAN

IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
SPSS	Statistical Package for Science Social



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	64
LAMPIRAN B	Keputusan Kajian Rintis	70
LAMPIRAN C	Keputusan Kajian Sebenar	72
LAMPIRAN D	Jadual Krejje, R. V. & Morgan, D. W.	78
LAMPIRAN E	Borang Semakan Soal Selidik	82
LAMPIRAN F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	85



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dewasa ini terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan bagi membantu pelajar dan pensyarah meningkatkan mutu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satu kaedah pembelajaran yang dapat menggalakkan pembelajaran secara aktif adalah menerusi pembelajaran koperatif. Strategi pembelajaran ini adalah berpusatkan kepada pelajar dengan mewajibkan setiap pelajar bekerja berkumpulan, melibatkan diri dalam proses perbincangan, pembelajaran yang berasaskan masalah, melakukan amali, menulis laporan atau aktiviti-aktiviti lain yang tidak hanya mewajibkan pelajar menghadiri kuliah yang disampaikan oleh pensyarah sahaja.

Johnson dan Johnson (2000) mentakrifkan koperatif sebagai bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat bersama. Kaedah pembelajaran secara bekerjasama atau koperatif iaitu satu kaedah pembelajaran yang menekankan penguasaan kemahiran, konsep dan maklumat di mana pelajar dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang mempunyai dua hingga lima orang ahli (Kagan, 1994). Kini, semakin ramai guru dan pelajar yang mengaplikasikan penggunaan kaedah

pembelajaran koperatif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan pembelajaran koperatif berkesudahan dengan menghasilkan pencapaian yang tinggi dan produktiviti yang lebih banyak, sokongan dan hubungan yang komited, kesihatan psikologikal, kompetensi sosial dan penghormatan sendiri (*self-esteem*) yang lebih baik (Johnson dan Johnson (2000)).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kaedah pembelajaran koperatif di institusi pengajian tinggi (IPT) semakin menarik dan efektif. Pelajar tidak lagi hanya disogokkan dengan kuliah dan tutorial yang sering kali membosankan, malah banyak inovasi, idea dan pendekatan dicuba dan dilaksanakan sepenuhnya untuk merealisasikan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini. Menurut Maimunah (1999), latihan dari segi praktik merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran di mana kejayaan sesuatu latihan itu bergantung besar ke atas jenis aktiviti pembelajaran yang telah dialami oleh seseorang.

Dalam mengamalkan gaya pembelajaran, perlunya setiap pelajar mengetahui dan memahami gaya pembelajaran yang ingin mereka ikuti supaya proses pembelajaran akan lebih berkesan dan pada masa yang sama ia akan menghasilkan pelajar yang berkualiti dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Berdasarkan kepada pengalaman pengkaji sendiri, adalah perlu bagi seseorang pelajar memahami apakah gaya pembelajaran yang diterapkan oleh pensyarah. Ini bertujuan agar pelajar dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Dengan adanya pelaksanaan pembelajaran koperatif, ia akan memberi faedah dan mendatangkan kebaikan kepada pelajar seperti membaiki hubungan sosial, meningkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar, meningkatkan tahap pemikiran pelajar agar lebih kreatif dan kritis serta meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam membuat keputusan berhubung dengan pembelajaran (Kagan, 1994).

Pembelajaran koperatif menekankan konsep belajar berpasukan. Di dalam pembelajaran koperatif, pelajar berinteraksi dan saling bantu membantu dalam aktiviti pembelajaran dengan tujuan mencapai kemajuan dan prestasi yang cemerlang. Banyak aktiviti tersusun dirangka untuk membina kemahiran kerja berpasukan, kemahiran interpersonal, kemahiran berkomunikasi, pembelajaran sendiri dan keyakinan diri, sambil mempelajari topik atau kandungan mata pelajaran. Dalam suasana pekerjaan sebenar, kebolehan dan kemahiran bekerja dalam pasukan adalah amat penting. Oleh itu, pembelajaran koperatif adalah satu wadah penting bagi pelajar kejuruteraan memperoleh kemahiran ini semasa di universiti lagi. Galakan bagi metodologi pengajaran dan pembelajaran ini mestilah ditekankan. Pembelajaran dalam bidang kejuruteraan secara tradisional sudah tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak dan keperluan industri pada masa kini (Inclmen, 2001).

Perlaksanaan pembelajaran koperatif ini adalah sesuai dipraktikkan di institusi pengajian tinggi contohnya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana institusi ini menawarkan kursus yang melibatkan pembelajaran teknikal di mana ia menyediakan dan memberi penekanan terhadap latihan serta kemahiran kepada pelajar. Seperti yang kita sedia maklum, pembelajaran teknikal melibatkan kerjasama dalam aktiviti pembelajaran. Melalui pembelajaran koperatif pelajar dapat bekerjasama dalam kumpulan bagi mempraktikkan aktiviti pembelajaran mereka.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Gaya pembelajaran adalah sangat penting bagi melahirkan individu yang berkualiti. Ini termasuklah melahirkan individu yang dapat menguasai ilmu yang dipelajari dan berketerampilan pada masa akan datang. Pembelajaran yang tidak berkesan akan merugikan individu itu sendiri dan juga kesannya ketika individu itu memasuki alam pekerjaan. Dalam pembelajaran teknikal, pembelajaran dari segi



teori dan amali amat penting bagi membekalkan tenaga pekerja kepada sesebuah organisasi atau kerajaan. Perkara ini juga akan memberi kesan kepada sektor pendidikan amnya dan kepada institusi yang terlibat khususnya dalam melahirkan sumber manusia kelas pertama dalam bidang kejuruteraan. Oleh yang demikian, salah satu cara yang boleh dibuat adalah melalui pendekatan pembelajaran koperatif. Salah satu masalah yang ada dalam menjalankan pembelajaran koperatif ialah kurangnya kecenderungan pelajar dalam melaksanakannya. Disebabkan itu, pengkaji ingin mengkaji kecenderungan pembelajaran teknikal melalui pembelajaran koperatif di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM dalam proses pembelajaran mereka.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kecenderungan pembelajaran teknikal melalui pembelajaran koperatif di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM.

#### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk.

- i. Mengenalpasti sejauhmanakah kefahaman pelajar mengenai pembelajaran koperatif.
- ii. Mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran koperatif.

- iii. Mengenalpasti kecenderungan pelajar terhadap elemen-elemen dalam pembelajaran koperatif.

### 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Sejauhmanakah kefahaman pelajar mengenai pembelajaran koperatif?
- ii. Sejauhmanakah kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran koperatif?
- iii. Sejauhmanakah kecenderungan pelajar terhadap elemen-elemen dalam pembelajaran koperatif?

### 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Ini bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman dan kecenderungan pelajar mengenai pembelajaran koperatif. Selain itu, elemen-elemen yang cenderung diikuti oleh pelajar di dalam pembelajaran koperatif turut dikenalpasti menerusi kajian ini.

### 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk meninjau dan mengetahui dengan lebih dekat kecenderungan pembelajaran teknikal melalui pembelajaran koperatif di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat:


- i. Memberi maklumat yang berguna kepada pelajar untuk mempraktikkan gaya pembelajaran koperatif dalam pembelajaran mereka.
- ii. Memberi maklumat yang berguna kepada pensyarah bagi membantu mereka mengukuhkan lagi proses pengajaran mengikut keperluan semasa.
- iii. Memberi maklumat yang berguna kepada pihak UTHM bagi menambahbaik dan meningkatkan bahagian tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.

### 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terbatas dengan hanya melibatkan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal yang mengikuti pengajian di UTHM. Kajian ini hanya diakui di lokasi kajian yang dijalankan.

### 1.10 Kerangka Konsep Kajian

Rajah menunjukkan kerangka konsep kajian yang diadaptasikan dari teori-teori dan kajian Hatch dan Gardner (1990).



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian

### 1.11 Definisi Istilah

Bahagian ini menerangkan istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Berikut adalah definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.11.1 Pembelajaran Kooperatif

Kooperatif bermaksud kerjasama. Maka, pembelajaran kooperatif ialah pelajar belajar secara kerjasama, biasanya dalam bilik kuliah. Di dalam pembelajaran kooperatif, pelajar berinteraksi dan saling bantu-membantu dalam aktiviti pembelajaran dengan tujuan mencapai kemajuan dan prestasi yang cemerlang (Soon Sang, 2001). Dalam kajian ini, pembelajaran kooperatif dimaksudkan sebagai gaya pembelajaran yang melibatkan pelajar belajar secara bersama, berkongsi maklumat, bertukar pendapat dan berinteraksi antara satu sama lain dalam kumpulan kecil.

### 1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya bahagian ini memberi gambaran awal mengenai kajian yang dilakukan dengan menghuraikan tujuan dan matlamat kajian serta menyenaraikan langkah-langkah yang akan dibuat dalam kajian melalui objektif-objektif yang ditetapkan. Latar belakang masalah dan pernyataan masalah menjelaskan lagi mengenai jenis data yang diperlukan, alat kajian yang akan digunakan untuk mengumpul data serta teknik statistik yang sesuai untuk menganalisis data, pembolehubah serta populasi kajian. Pada bab seterusnya akan membincangkan mengenai sorotan kajian yang mana akan meyokong kajian yang akan dijalankan.

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Dalam sorotan kajian ini akan membicarakan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, pembelajaran koperatif, elemen-elemen asas yang terdapat dalam pembelajaran koperatif, pelaksanaan pembelajaran koperatif, kategori kumpulan pembelajaran koperatif dan kesan pembelajaran koperatif ke atas pencapaian akademik.

#### 2.2 Gaya Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses mendapatkan pengetahuan, pengalaman yang berlaku sepanjang hayat dan bermula sebaik sahaja seseorang dilahirkan. Pembelajaran secara amnya diertikan sebagai proses memperolehi ilmu pengetahuan ataupun kemahiran. Pembelajaran telah berlaku sekiranya tingkah laku pelajar

mengalami perubahan yang mana dapat diperhatikan selepas pengajaran berbanding sebelum pengajaran.

Gaya pembelajaran merupakan cara bagaimana seseorang individu itu belajar. Setiap individu itu mempunyai kaedah atau gaya pembelajaran mereka yang tersendiri. Gaya pembelajaran tidak berkait dengan kecerdasan atau kemahiran yang telah dipelajari. Tetapi gaya pembelajaran berkait rapat dengan bagaimana minda kita bekerja dengan berkesan terhadap pembelajaran maklumat baru. Sesetengah individu gemarkan cara belajar secara individu, berkumpulan, belajar melalui amali yang dilakukan dan sebagainya. Ini bermakna setiap individu itu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Setiap individu itu boleh memilih gaya pembelajaran yang sesuai dalam proses pembelajaran.

Menurut Dunn dan Dunn (1981), gaya pembelajaran merujuk kepada cara bagaimana elemen-elemen dari lima rangsangan atau deria asas mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memahami dan berinteraksi dan bertindak balas kepada persekitaran pembelajaran. Kecenderungan ini dipengaruhi oleh lima faktor iaitu persekitaran, emosi, fizikal, sosiologikal dan psikologikal. Honey dan Munford (1992) menyatakan bahawa gaya pembelajaran meliputi aspek personaliti, tingkahlaku, pemprosesan maklumat, interaksi sosial dan kecenderungan dalam pendekatan sesuatu perkara.

Tidak ada satu cara atau gaya pembelajaran yang sesuai bagi semua pelajar dan ia amat berbeza mengikut individu kerana gaya pembelajaran yang sesuai baginya mungkin tidak sesuai bagi individu yang lain. Ah Meng (2001) menyatakan bahawa gaya pembelajaran dipengaruhi oleh faktor personaliti dan dibentuk oleh pelajar pada peringkat kanak-kanak lagi dan akan terus berkembang. Gaya pembelajaran secara berseorangan lebih sesuai bagi individu yang digolongkan sebagai introvert kerana individu ini tidak gemarkan kerja atau belajar secara berkumpulan. Menurut Ah Meng (2001) lagi, seseorang pelajar yang introvert lazimnya inginkan kepujian dan akan terus berusaha dengan lebih gigih dan tekad

lagi dalam pelajarannya. Bagi pelajar yang ekstrovert pula, perbincangan dan belajar dalam kumpulan amat digemari kerana pelajar ekstrovert lebih gemar bergaul serta bersedia untuk bertukar-tukar pendapat.

### 2.3 Pembelajaran Koperatif

Sejak 90 tahun lalu, lebih 600 kajian telah dijalankan dalam membandingkan keberkesanan usaha bekerjasama, kompetitif dan perseorangan (The Student Learning Imperative (ACPA, 1994)). Kajian tersebut dilakukan oleh sekumpulan pengkaji melibatkan tentang umur yang berbeza, dalam aspek yang berlainan dan latar yang berbeza. Lebih banyak diketahui tentang keberkesanan belajar bersama berbanding dengan latar berbeza, penggunaan pelbagai panduan teknologi, malah hampir semua aspek dalam pembelajaran. Oleh itu, lebih banyak seseorang pelajar menyertai belajar bersama semakin kuat dia berusaha dan lebih memahami tentang dirinya, kelasnya dan rakan sekelasnya.

Mengikut Kamus Dewan (1998), koperatif bermaksud kerjasama. Pembelajaran koperatif merujuk kepada pembelajaran yang menggalakkan pelajar belajar bersama, berkongsi maklumat, bertukar pendapat dan berinteraksi antara satu sama lain dalam bentuk kumpulan kecil. Cummings dalam Hamdan (2000) mendefinisikan belajar bersama sebagai satu cara menyusun bilik darjah untuk belajar di mana pelajar bekerja bersama-sama dalam kumpulan kecil untuk menyiapkan tugasan, belajar menghadapi ujian dan menyelesaikan masalah.

Pembelajaran koperatif merupakan salah satu strategi pembelajaran yang berkesan dan melalui kaedah ini, pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan, kemahiran dan pemikiran, belajar bersama-sama dalam satu kumpulan. Dalam pembelajaran koperatif, setiap pelajar bertanggungjawab untuk berkongsi



## RUJUKAN

- Abdul Samad Banin (2000). "Pembelajaran Koperatif: Satu Pengenalan".  
<http://www.brunet.bn/news/pelita/10ogos/didik.htm>. Dicapai pada : 3 Mac 2008.
- American College Personal Association (ACPA), 1994. "*The Student Learning Imperative: Implication for Student Affairs*". Washington DC: Author.
- Archer-Kath, J., Johnson, D. W. & Johnson, R. (1994). "Individual versus Group Feedback in Cooperative Groups". *Journal of Social Psychology*. 134(5).
- Burke, J. dan Larry, C. (2002). "Educational Research: Quantitative and Qualitative Approaches". Boston: Ally and Bacon.
- Ng, Kim Choy (1999). "Prinsip-prinsip Pembelajaran Koperatif".  
<http://www.teachersrock.net>. Dicapai pada : 3 Mac 2008.
- Chua, Yan Piaw (2006). "Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1 : Kaedah Penyelidikan". Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Cohen dan Manion (1994). *Research Methods in Education*. London: Rout Ledge.  
dalam Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- David, W. Johnson dan Roger, T. Johnson (1991). *Learning Together and Alone: Cooperative, Competitive And Individualistic Learning*. Allyn Bacon, London.

- Dunn, R. S., dan Dunn, K.J. (1981). "Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach". Engleworth Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Ee, Ah Meng (2001). "Pedagogi III". Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Floyd (1991). "The IBM Multimedia Handbook". New York: Brady Publishing.
- Gan, Teck Hock (1999). "Mencari Titik Perseimbangan Di Antara Keunggulan Teori Dan Kenyataan Praktis: Satu Kes Pelaksanaan Pembelajaran Kooperatif Dalam Pengajaran Matematik Sekolah Rendah". *Jurnal Penyelidikan Pendidikan MPS*. 2. 68-85.
- Gin, S. S. (2002). "Pembelajaran Kooperatif."  
[http://www.geocities.com/devlin\\_sigma2002/koperatif.htm](http://www.geocities.com/devlin_sigma2002/koperatif.htm). Dicapai pada : 25 Ogos 2007.
- Hamdan Said (2000). "Penggunaan Pembelajaran Kooperatif Dalam Pengajaran Di Institusi Pengajian Tinggi". Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Honey dan Munford, A. (1992). "The Manual of Learning Styles". Maidenhead: Peter Honey.
- Inelmen, E. (2001). "In Search of Excellent in Engineering Education: from 1998-2001". *Journal of Engineering Education*. Volume 5, No. 1.
- Johnson, D., Johnson, R., dan Holubec, E. (1999). *The New Circles of Learning: Cooperation in the Classroom and School*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Johnson, David W., dan Roger T. Johnson (1989). *Cooperation And Competition: Theory And Research*. Edina, Minn.: Interaction Book Co.

- Johnson, D. W. dan Johnson, F. P. (2000). "Joining Together : Group Theory and Group Skill". Seventh Edition. MA : Pearson Education Company.
- Johnson, D. W. dan Johnson, R. T. (1998). "Cooperative Learning and Social Interdependency : Cooperative Learning". Social Psychological Applications to Social Issues.
- Johnson, D. W. dan Johnson, R. T. (1998). "Promoting Safe Educational and Community Environments : The Three CS Program". MN : Interaction Book Company.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T. dan Stanne, M. B. (2000). "Cooperative Learning Methods: A Meta-Analysis". Minnesota: University of Minnesota.
- Kagan, S. (1994). "Cooperative Learning". California: San Juan Capistrano.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (2003). "Pedagogi Asas Pendidikan". Kuala Lumpur : Kayazano Enterprise.
- Kamus Dewan (1998), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaufman, D. B. dan Felder, R. M. (2000). "Accounting for Individual Effort in Cooperative Learning Teams". *Journal of Engineering Education*. 89(2).
- Lau, Too Kya dan Zainuddin Awang (2001). "Statistik Asas UiTM". Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Lyman, L. dan Foyle, H.C. (1988). "Cooperative Learning Strategies and Children", (ERIC Document Reproduction Service No. ED 306003).
- Maimunah Ismail (1999). "Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows". Skudai: Venton Publishing.
- Mok, Soon Sang (2001). Psikologi Pendidikan: Kursus Diploma Perguruan Semester 1. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Nesrin, O. dan Nazli, Y. (2004). "The Effect of Learning Together Technique of Cooperative Learning Method on Student Achievement in Mathematic Teaching 7<sup>th</sup> Class of Primary School". *The Turkish Journal of Educational Technology*. 3. (3).
- Owens, J. E. (1995). "Cooperative Learning in Secondary Mathematics. Research Theory dalam Secondary School and Cooperative Learning: Theory, Models and Strategies". New York : Garland Publishing Inc.
- Rohani Abdul Hamid (1998). "Keperluan Pendidikan Abad Ke-21: Projek Sekolah Bestari. Proseding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara. Universiti Kebangsaan Malaysia".
- Shahabudin Hashim dan Dr Rohizani Yaakub (2004). Psikologi Pembelajaran dan Peronaliti . Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Slavin, R. E. (1983). "Cooperative Learning: Student Teams. What Research Says to The Teacher". Washington, D. C. : National Education Association.

- Slavin, R. E. (1990). "Cooperative Learning: Theory, Research and Practice." Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Slavin, R. E. (1995). "Cooperative Learning". Needham Height, MA: Allyn & Bacon.
- Suhaida Abdul Kadir (2002). "Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kendiri Akademik dan Hubungan Sosial dalam Pendidikan Perakaunan". Universiti Putra Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid (1993). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas Hatch dan Howard Gardner (1990). "If Binet Had Looked Beyond The Classroom: The Assessment Of Multiple Intellegence". International Journal of Educational Research. Vol. 14. No. 5. 415-29.
- Todd, R.W. (1999). "Classroom Teaching Strategies". Kuala Lumpur: Heineman.
- Wiersma, W. (2000). "Research Methods in Education: An Introduction". Boston: Allyn and Bacon.
- Wilkinson, David (2000). "The Researcher's Toolkit: The Complete Guide to Practitioner Research". London: RoutledgeFalmer.
- Woolfolk, A.E. (1994). " Educational Psychology". Needham Height, MA: Allyn & Bacon.
- Zakaria Kassim (2003). "Kemahiran Komunikasi, Pembabitan dan Pencapaian Pelajar Perdagangan Melalui Kaedah Pembelajaran Koperatif". Universiti Sains Malaysia. Tesis Doktor Falsafah.